

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, September 21, 2017 8:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penamaan Calon MPP Sesi 2017/2018 Berjalan Lancar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



21 SEPTEMBER 2017 / 30 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PENAMAAN CALON MPP SESI 2017/2018 BERJALAN LANCAR



UUM ONLINE: Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2017/2018 menyaksikan tiada perebutan bagi kerusi umum ketika proses penamaan calon berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Penginapan Pelajar (SAC), hari ini.

Keputusan itu membolehkan Kumpulan Pro-Aspirasi menyapu bersih lapan kerusi umum dan 26 daripada 30 kerusi di 15 pusat pengajian tanpa bertanding.

Bagaimanapun, dalam pemilihan kali ini juga menyaksikan hanya 10 calon daripada tiga pusat pengajian akan bertanding bagi merebut tempat dalam MPP 2017/2018 iaitu Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) seramai empat calon, Pusat Pengajian Undang-undang (3 calon) dan Pusat Pengajian Antarabangsa (3 calon).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim berkata, calon yang menang tanpa bertanding itu membuktikan bahawa mereka telah mendapat kepercayaan daripada warga kampus untuk menggalas tanggungjawab dan amanah diberi.

"Saya berharap semua calon ini yang akan menjadi Ahli MPP UUM Sesi 2017/2018 akan bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk terus memberi khidmat terbaik kepada pelajar dan universiti khususnya, selepas diberikan kepercayaan ini.

"Sehubungan itu, laksanakan tugas tersebut dengan sebaik mungkin dan bagi calon yang akan bertanding diharap dapat mengikut proses pemilihan yang telah ditetapkan dengan berhemah, terbaik dan 'all out'," katanya.

Tambah beliau lagi, kemenangan tanpa bertanding ramai calon ini juga membuktikan pelajar berpuas hati dengan pengurusan universiti yang sentiasa mendengar permasalahan dan mendengar pandangan mereka sepanjang berada di UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.